



JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA

JPK.IP.(UU):130 JLD 4(44)
Kepada: Semua Koperasi

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 18 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN MENGENAI PEMBERIAN PINJAMAN OLEH KOPERASI KEPADA ANGGOTA

1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah Peraturan 43 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 untuk memantau dan mengawal koperasi yang memberi pinjaman atau kemudahan kredit kepada anggotanya.

2. LATAR BELAKANG

Mengikut peruntukan di bawah Seksyen 51 Akta Koperasi 1993, sesuatu koperasi boleh memberi pinjaman atau kemudahan kredit lain kepada anggotanya, perkerjanya, subsidiarinya atau sesuatu koperasi yang lain tertakluk kepada peraturan-peraturan, undang-undang kecil koperasi atau kelulusan Ketua Pendaftar. Kegagalan koperasi kredit adalah kerana kelemahan dalam sistem bagi mengawal pinjaman dan menguruskan tunggakan pinjaman atau kemudahan kredit yang lain.

3. KEPERLUAN AM

Anggota Lembaga Koperasi hendaklah mengkaji dan membentangkan untuk kelulusan mesyuarat agung aturan-aturan pinjaman koperasi dari semasa ke semasa sekiranya ada keperluan.

4. SYARAT-SYARAT PINJAMAN

Tiap-tiap koperasi hendaklah memperuntukkan syarat-syarat berikut dalam aturan aktiviti pinjamannya:

- (a) tempoh bayaran balik pinjaman hendaklah tidak melebihi sepuluh tahun dan tempoh masa yang lebih panjang boleh diberikan kepada pinjaman bercagar;

- (b) aturan-aturan pinjaman koperasi hendaklah menetapkan syarat-syarat amaun pinjaman yang boleh diberi dan cara-cara pengendalian pinjaman yang akan dibuat;
- (c) koperasi hendaklah memasukkan tatacara dalam aturan aktiviti pinjaman mengenai tunggakan yang gagal dibayar oleh anggotanya dan tindakan yang akan diambil untuk mengutip balik tunggakan tersebut;
- (d) koperasi hendaklah menyediakan pelan tindakan dalam aturan aktiviti pinjaman mengenai pinjaman bermasalah dan cara-cara penyelesaiannya jika berlaku; dan
- (e) kadar faedah atau bayaran perkhidmatan yang dikenakan atas pinjaman yang diberikan hendaklah munasabah dan tidak membebankan anggota.

5. AM

Semua koperasi hendaklah mematuhi garis panduan ini dan kegagalan mematuhi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana koperasi yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini.

6. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”**

(DATO' HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia

Tarikh : 30 Julai 2005

s.k: Timbalan Ketua Pengarah (Kawal Selia)

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Dan Pengurusan)

Semua Pengarah JPK Ibu Pejabat

Semua Pendaftar Koperasi Negeri